



01 OCT, 2023

## Sabah sasar tiga lagi FTZ



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Sabah sasar tiga lagi FTZ

James Sarda dan

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Kabinet Negeri sedang memohon kelulusan Persekutuan untuk mengisytiharkan sekurang-kurangnya tiga lagi pelabuhan Sabah sebagai Zon Perdagangan Bebas (FTZ).

Selain pelabuhan POIC di Lahad Datu yang telah diumumkan, pelabuhan lain yang disasarkan untuk status itu adalah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Sabah adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang berkongsi sempadan dengan tiga negara - Filipina, Indonesia dan Brunei - yang menjadikan FTZ sebagai prospek yang dialut-alukan.

FTZ menarik pelabur asing, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan pengaruh serantau Negeri.

"FTZ memang baik dan kami telah meminta Persekutuan meluluskan dua atau tiga lagi di Sabah," kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor, dalam temu bual eksklusif untuk menandakan tahun ketiga beliau memegang jawatan pada 29 Sept.

Hajiji berkahtu beliau mencadangkan perkara sama kepada Tun Dr Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri buat kali kedua di bawah kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini yang hanya bertahan selama dua tahun.

"Beliau bersetuju pada dasarnya, tetapi meletak jawatan sebagai PM dua atau tiga bulan selepas cadangan saya (dalam perebutan kuasa yang menyaksikan kejatuhan kerajaan persekutuan Pakatan Harapan pertama, yang terkenal dengan nama Langkah Sheraton).

"Kini kami telah mencadangkannya kepada kerajaan persekutuan perpaduan baru (di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim). Kami akan merancang jenis perniagaan yang akan dijalankan di tempat-tempat ini."

FTZ ialah zon ekonomi khas di mana barangan boleh diimport, disimpan, dikendalikan, diproses dan dibungkus semula, dikonfigurasikan semula dan dieksport semula di bawah peraturan khas dan secara amnya tidak tertakluk kepada tarif Kastam.

Ekonomi Pulau Pinang dan Johor bertambah baik selepas FTZ diwujudkan.

Apabila diberitahu bahawa pelabur bimbang mengenai soal bekalan air dan elektrik tidak terputus, Hajiji berkata ini adalah antara masalah yang berlaku pada pentadbiran terdahulu yang kini sedang ditangani oleh pentadbirannya.

"Kami mempunyai rancangan untuk gabungan tenaga hijau, hidro, solar dan tenaga boleh diperbaharui yang lain." Beliau berkata, Kerajaan Negeri masih memuktamadkan perjanjian untuk mengambil balik pemilikan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) melalui Suruhanjaya Tenaga Sabah menjelang 1 Januari 2024.

"Kalaupun kita ambil SESB yang merupakan syarikat senaraian awam, kita mesti bayar dan itu masalahnya. Orang ramai tidak menyedari perkara ini."

"Mereka kata SESB adalah milik Sabah dan mesti ditebus."

"Tetapi ada caranya. Kami mempunyai formula yang merangkumi 40 peratus hasil cukai yang terhutang kepada Kera-



Siri ketiga ini adalah sempena tahun ketiga Datuk Seri Hajiji Noor sebagai Ketua Menteri Sabah. Artikel seterusnya menyusul esok.

jaan Sabah." Hajiji melihat penangguhan hasil 40 peratus itu untuk beberapa tahun sebagai satu pilihan. Sabah perlu memiliki lebih daripada 50 peratus ekuiti dalam SESB untuk dianggap milik kerajaan. Ia kini memegang 18 peratus sementara Tenaga Nasional Berhad 82 peratus lagi.

Pada masa ini, Negeri terpaksa membelanjakan RM600 juta setahun dalam subsidi sabagi disebabkan oleh IPP (Pengeluar Tenaga Bebas) kerana IPP menggunakan bayaran SESB 60sen setiap Kw.jam.

Beliau berkata dalam soal bekalan air, jabatan itu dikehendaki menjalankan pemeriksaan mengejut dan tambahan 107 kakitangan telah diambil untuk penquatauan dan pemeriksaan meter. Beliau berkahtu kecurian air oleh settingan mungkin hanya 8-10 peratus manakala kilang mungkin sehingga 50 peratus.

"Mereka (kilang) mungkin mempunyai meter tetapi juga terdapat sambungan haram. Sebahagian besar air disalurkan ke kilang dan bukan pengguna, ini bermakna banyak air terawat disalurkan ke kilang."

Sebagai penyelesaian, Hajiji mencadangkan untuk menyalurkan air tidak terawat yang lebih murah kepada kilang-kilang. Manakala air terawat yang mahal hanya disalurkan ke rumah, dan sebagaimana.

Selain itu adalah ketirisan Air Tanpa Hasil sebanyak 60 peratus, yang tertinggi di negara ini.

Bagi empangan, Hajiji berkata cadangan untuk menyelesaikan masalah kekurangan air adalah dengan membina empangan di Ulu Padas yang akan menghasilkan beberapa juta liter sehari. Sebuah empangan untuk Papar masih dalam perancangan.

Mengenai gesaan oleh pihak tertentu agar Wilayah Persekutuan Labuan dikembalikan kepada Sabah, Hajji berkata walaupun beliau menyokongnya, "ia tidak semudah yang disangka."

"Saya akan memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenainya tetapi prosesnya tidak mudah. Pertama, kita perlu mengetahui sama ada Persekutuan bersetuju dengan idea itu kerana ini perlu dibawa ke parliment," katanya.

Labuan telah diserahkan secara per-cuma kepada Persekutuan yang mengisytiharkannya sebagai Wilayah Persekutuan (WP) pada 1 Februari 1984.

Ini tidak seperti Kuala Lumpur, yang mana Kerajaan Selangor menerima RM4 bilion untuknya menjadi WP pertama sedekad sebelumnya.

Kemarahah terhadap penyerahan Labuan disebut antara sebab Kerajaan Negeri Berjaya digulingkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) yang baru berusia 45 hari pada pilihan raya negeri 1985.